

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN UNTUK KELULUSAN DI BAWAH
SUBSEKSYEN 44(11C) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 BAGI
TABUNG RELIF COVID-19**

Garis panduan ini bertujuan menerangkan lebih lanjut maksud Tabung Relif COVID-19, syarat-syarat kelulusan dan prosedur permohonan untuk kelulusan serta hal-hal lain yang berkaitan.

PENGENALAN TABUNG RELIF COVID-19

1.1 Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk membantu meringankan beban pelbagai lapisan masyarakat sepanjang usaha menangani penularan wabak COVID-19, garis panduan ini disediakan bagi menjelaskan kategori pemohon/sumbangan/penerima sumbangan yang layak untuk melayakkan suatu Tabung Relif COVID-19 yang ditubuhkan atas dasar kepentingan nasional diluluskan oleh Menteri Kewangan di bawah subseksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967. Tabung Relif COVID-19 ini bukanlah sebuah pertubuhan atau organisasi yang diluluskan dan didaftarkan di bawah mana-mana pihak berkuasa.

DEFINISI TABUNG RELIF COVID-19

2.1 Sebuah tabung yang diluluskan oleh Menteri Kewangan di bawah subseksyen 44(11C) ACP 1967 dan ditubuhkan khusus untuk kepentingan nasional bagi menangani penularan wabak COVID-19 di Malaysia.
2.2 Tabung Relif COVID-19 yang diluluskan dibenarkan menjalankan aktiviti kutipan derma amal untuk membantu pelbagai pihak yang terkesan dari segi kesihatan, sosial dan ekonomi akibat penularan wabak COVID-19.
2.3 Pihak Tabung Relif COVID-19 boleh membuat kutipan derma dalam bentuk sumbangan yang dibenarkan dan menyumbang semula kutipan tersebut kepada pihak yang layak disalurkan sumbangan.

SYARAT PERMOHONAN

3.1 Pemohon Yang Layak

- a. Pemohon yang layak memohon untuk mendapatkan kelulusan ke atas penubuhan Tabung Relif COVID-19 di bawah subseksyen 44(11C) mestilah ditubuhkan di Malaysia, beroperasi bukan untuk keuntungan dan didaftarkan seperti berikut :
 - i. sebuah syarikat berhad menurut jaminan di bawah Akta Syarikat 2016 (Suruhanjaya Syarikat Malaysia);
 - ii. sebuah pertubuhan di bawah Akta Pertubuhan 1966 (Pendaftar Pertubuhan Malaysia);
 - iii. sebuah pertubuhan perbadanan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 (Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri);

- b. Institusi/organisasi yang telah diberi kelulusan di bawah subseksyen 44(6) dibenarkan memohon mewujudkan Tabung namun perlu membuat pengasingan akaun bagi terimaan dan perbelanjaan.

3.2 Sumbangan Yang Dibenarkan

- a. Sumbangan yang dibenarkan diterima oleh pihak Tabung Relif COVID-19 adalah seperti berikut :
- i. Wang Tunai;
 - ii. Peralatan seperti *ventilator*, katil pesakit, penghawa dingin;
 - iii. Bahan Guna Habis seperti *mask*, *hand sanitizer*, *glove*, *test kit* dan *Personal Protection Equipment (PPE)*;
 - iv. Bahan makanan mentah/sedia dimakan (contoh : beras, minyak, kicap, gula, makanan dalam tin atau makanan yang siap untuk dimakan);
 - v. Perkhidmatan seperti kos pembasmian kuman & sanitasi (jalanraya, bangunan, pasar, tempat ibadat dan lain-lain), kos penyediaan tandas bergerak, kos penghantaran bekalan; atau
 - vi. Pembiayaan seperti penyediaan infrastruktur bersifat kekal atau sementara (contohnya: khemah/*marquee tent* bagi menempatkan katil tambahan).

3.3 Pihak Yang Layak Disalurkan Sumbangan

- a. Pihak Yang Layak menerima Sumbangan oleh Tabung Relif COVID-19 yang diluluskan adalah seperti berikut :
- i. Jabatan/ agensi Kerajaan;
 - ii. Agensi bukan Kerajaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Pendaftar Pertubuhan Malaysia dan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri;
 - iii. Hospital kerajaan/swasta;
 - iv. Universiti awam;
 - v. Rumah anak yatim/orang tua/orang kelainan upaya;
 - vi. Gelandangan/miskin tegar/pelarian; dan
 - vii. Rumah perlindungan haiwan/zoo
- b. Sumbangan hendaklah tidak bermotifkan keuntungan serta politik; dan
- c. Penerima sumbangan hendaklah mempunyai no. fail cukai pendapatan (sekiranya ada) (kecuali Gelandangan/miskin tegar/pelarian)

3.4 Maklumat Asas Tabung Relif COVID-19

- a. Pengasas/Pemohon Tabung Relif COVID-19 hendaklah mengemukakan maklumat asas penubuhan Tabung Relif COVID-19 seperti berikut :
- i. Tempoh kutipan Tabung akan/telah dibuat (Tarikh mula dan Tarikh Akhir);
 - ii. Senarai penyumbang yang telah dikenalpasti (sekiranya ada);
 - iii. Jumlah sasaran sumbangan (sekiranya ada);

- iv. Penerima sumbangan yang dikenalpasti serta jenis sumbangan (tunai/bahan habis guna/ peralatan/pembayaran/pembiayaan); dan
- b. Satu akaun khas dan berasingan perlu dibuka bagi tujuan penubuhan Tabung Relif COVID-19 dan bukti salinan/penyata akaun bank tersebut hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk tujuan semakan.
- c. Semua maklumat ini perlu diisi di dalam Borang Permohonan seperti di **Lampiran B**.

3.5 Lantikan Ahli Lembaga Pengarah/ Ahli Jawatankuasa/ Ahli Lembaga Pemegang Amanah Tabung Relif COVID-19

- a. Pengasas/Pemohon Tabung Relif COVID-19 perlulah membuat lantikan Ahli Lembaga Pengarah/ Ahli Jawatankuasa/ Ahli Lembaga Pemegang Amanah untuk mentadbir Tabung Relif COVID-19. AJK yang dilantik perlulah mematuhi syarat di mana lebih 50% daripadanya tidak mempunyai perkaitan dengan institusi atau organisasi atau pengasas seperti di **Lampiran C**. Perkaitan adalah termasuk dan tidak terhad kepada:
 - i. hubungan kekeluargaan seperti ibu-bapa, anak, adik beradik termasuk hubungan kekeluargaan yang rapat;
 - ii. hubungan majikan dan pekerja; atau
 - iii. pengarah atau pekerja di dalam syarikat atau kumpulan syarikat yang sama;

3.6 Pengesahan Sumbangan (untuk tuntutan potongan cukai penyumbang)

- a. Bagi sumbangan wang tunai, sumbangan yang diterima hendaklah dikeluarkan resit rasmi yang mencatat dengan jelas perkara berikut:
 - i. Nama Tabung Relif COVID-19;
 - ii. Nombor siri resit rasmi;
 - iii. Tarikh transaksi;
 - iv. Nama penyumbang;
 - v. No Kad Pengenalan/Nombor Daftar Perniagaan (Penyumbang);
 - vi. Nilai sumbangan (RM);
 - vii. No rujukan fail kelulusan Kementerian Kewangan; dan
 - viii. Tarikh kuat kuasa kelulusan.
- b. Bagi terimaan berbentuk barang, Tabung Relif COVID-19 yang diluluskan oleh Menteri Kewangan hendaklah mengeluarkan akuan terima sumbangan berserta cop rasmi penerima kepada penyumbang tabung seperti di **Lampiran D**.
- c. Penyumbang perlu menyimpan resit rasmi/Lampiran D dan Surat Kelulusan Kementerian Kewangan (yang mana berkaitan) bagi tujuan tuntutan potongan semasa mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan.

3.7 Laporan Prestasi Pelaksanaan Aktiviti

- a. Laporan Prestasi Pelaksanaan Aktiviti setiap tiga (3) bulan hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

MANFAAT

- 5.1 Penderma/Penyumbang kepada Tabung Relif COVID-19 yang diluluskan dibenarkan potongan cukai ke atas pendapatan agregat, terhad kepada peratusan sebagaimana yang ditetapkan dalam proviso kepada subseksyen 44(11C) ACP 1967 bagi tahun taksiran 2020.
- 5.2 Manfaat Tabung Relif COVID-19 tidak boleh dinikmati oleh pengasas atau AJK dan kakitangan entiti yang menubuhkan-Tabung Relif COVID-19.

PEMBUBARAN

- 6.1 Tabung Relif COVID-19 hendaklah dibubarkan setelah tempoh kelulusan tabung tamat dan tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut:
 - i. Mengemukakan surat permohonan pembubaran untuk kelulusan Kementerian Kewangan. Sekiranya tabung masih mempunyai baki maka baki tersebut hendaklah diserahkan kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) atau Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
 - ii. Akaun bank Tabung Relif COVID-19 yang berasingan tersebut hendaklah segera ditutup; dan
 - iii. Bukti pengesahan pindahan baki ke NADMA atau KKM serta akaun bank Tabung yang telah dikosongkan (*zeroized*) perlu dikemukakan kepada Kementerian Kewangan bagi tujuan semakan.

PELANGGARAN SYARAT

- 7.1 Kementerian Kewangan pada bila-bila masa berhak menarik balik kelulusan sekiranya Tabung Relif COVID-19 yang diluluskan tidak mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.
- 7.2 Sekiranya Tabung Relif COVID-19 yang dibubarkan kerana pelanggaran syarat masih mempunyai baki dalam akaun bank, tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut:
 - i. Baki sumbangan berupa wang tunai atau peralatan yang diterima di dalam tabung tersebut hendaklah dipindahkan kepada NADMA atau KKM;
 - ii. Akaun tabung tersebut hendaklah dikosongkan (*zeroized*) dan ditutup; dan
 - iii. Bukti pengesahan pindahan baki wang tunai atau peralatan ke NADMA atau KKM dan akaun bank Tabung yang telah dikosongkan perlu dikemukakan kepada Kementerian Kewangan bagi tujuan semakan.

PROSEDUR DAN KEPERLUAN PERMOHONAN

- 8.1 Permohonan hendaklah disertakan dokumen dan maklumat seperti berikut:
 - i. Senarai Semak seperti di **Lampiran A**;
 - ii. Borang Permohonan seperti di **Lampiran B**;
 - iii. Senarai AJK yang dilantik untuk mentadbir Tabung Relif COVID-19 di **Lampiran C**.
 - iv. No. akaun bank yang berasingan bagi Tabung Relif COVID-19
- 8.2 **Permohonan penubuhan Tabung Relif COVID-19 hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan mulai 30 April 2020 sehingga 31 Ogos 2020.**
- 8.3 Permohonan lengkap **Lampiran A, B dan C** hendaklah dikemukakan kepada :

ALAMAT BAHAGIAN CUKAI :

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Bahagian Cukai
Kementerian Kewangan Malaysia
Tingkat 6, Blok Tengah
Kompleks Kementerian Kewangan Malaysia
No.5, Persiaran Perdana, Presint 2
62592 PUTRAJAYA.

(u.p. : Mahfuzah Baharin, Timbalan Setiausaha Bahagian Cukai)

ATAU

E-MEL

trcovid19@treasury.gov.my

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada e-mel seperti berikut:

Emel : **trcovid19@treasury.gov.my**

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN UNTUK KELULUSAN DI BAWAH
SUBSEKSYEN 44(11)(C) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 BAGI
TABUNG RELIF COVID-19**

PERKARA	SILA TANDA (✓)
1. Borang permohonan (LAMPIRAN B)	
2. Senarai Ahli Lembaga Pengarah/ Ahli Jawatankuasa/ Ahli Lembaga Pemegang Amanah yang dilantik untuk mentadbir Tabung Relif COVID-19 (LAMPIRAN C);	
3. Salinan penyata akaun bank Tabung Relif COVID-19	

ALAMAT :
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Bahagian Cukai
Kementerian Kewangan Malaysia
Tingkat 6, Blok Tengah
Kompleks Kementerian Kewangan Malaysia
No.5, Persiaran Perdana, Presint 2
62592 PUTRAJAYA.
(u.p. : Mahfuzah Baharin, Timbalan Setiausaha Bahagian Cukai)

ATAU

E-MEL :

trcovid19@treasury.gov.my

**PERMOHONAN UNTUK KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11)(C)
AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 BAGI TABUNG RELIF COVID-19**

BUTIRAN PEMOHON

Nama Organisasi/Syarikat/Pertubuhan

No. Pendaftaran Organisasi

No. Fail Cukai Pendapatan

No. Kelulusan subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 (sekiranya ada)

Tempoh kutipan Tabung akan/telah dibuat
(Tarikh mula dan Tarikh Akhir)

Senarai penyumbang yang telah dikenalpasti
(sekiranya ada, boleh dilampirkan)

Jumlah sasaran sumbangan (sekiranya ada)

Penerima sumbangan yang dikenalpasti serta
jenis sumbangan (tunai / bahan habis guna/
peralatan / pembayaran / pembiayaan)
(sekiranya ada, boleh dilampirkan)

No. akaun bank yang berasingan bagi Tabung
Relif COVID-19 (sila lampirkan penyata akaun
bank terkini)

Nama dan maklumat wakil untuk dihubungi
Nama

No. Telefon

E-mail

Alamat Surat Menyurat

Tarikh Permohonan

LAMPIRAN B

Dengan ini saya mengesahkan bahawa maklumat diatas adalah benar.

Tandatangan : _____

Nama : _____

Tarikh : _____

Surat Keputusan

Pos :
E-mel :

LAMPIRAN C

SENARAI AHLI LEMBAGA PENGARAH/ AHLI JAWATANKUASA/ AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

NAMA TABUNG :

LAMPIRAN D

Kepala Surat Penerima Sumbangan

No. Rujukan: _____ Tarikh : _____
No. Rujukan Kelulusan :
Kementerian Kewangan

Kepada:

Setiausaha
Bahagian Cukai
Tingkat 6, Blok Tengah
Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Putrajaya

Surat Akuan Terima Sumbangan Dalam Bentuk Barang kepada Tabung Covid-19 Yang Diluluskan Di Bawah Subseksyen 44(11)(C) Akta Cukai Pendapatan 1967

Saya.....No.Kad Pengenalan.....
Berjawatan mengaku telah menerima sumbangan peralatan / bahan guna habis / Bahan makanan mentah@siap dimakan / perkhidmatan (sila potong mana yang tidak berkenaan) daripada pada yang bernilai RM..... bagi Tabung Relif COVID-19.

2. Senarai peralatan / bahan guna habis (sekiranya berkaitan) adalah seperti berikut:

Bil.	Keterangan Peralatan / Bahan Guna Habis	Kuantiti

(Boleh dikepaskan sebagai lampiran)

3. Saya mengesahkan bahawa semua maklumat di atas telah diterima dan disahkan benar.

Sekian,

(tandatangan)

Nama:

Cop Rasmi Penerima: